

## ■ SPRM serbu lokasi sindiket di Sungai Long

Oleh Fardy Bunga  
fardy@hemetro.com.my  
**Kajang**

**S**uruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menahan lima lelaki warga asing dipercayai digaji secara haram ketika menyerbu lokasi kegiatan mencuri pasir sungai di Sungai Long, Semenyih, dekat sini, awal pagi, semalam.

Operasi dijalankan selepas SPRM menerima maklumat mengenai kegiatan itu yang didalangi satu sindiket sebelum melakukan intipan beberapa minggu.

Sindiket itu didapati menggunakan taktik mengangkut keluar pasir pada masa tertentu atau pada cuti umum bagi mengelak diberkas atau dikesan pihak berkuasa.

# Jual pasir curi jutaan ringgit

Difahamkan, sindiket terabit mengaut keuntungan jutaan ringgit sebulan.

Operasi bermula kira-kira jam 2 pagi diketuai Ketua Penolong Kanan Penguasa SPRM Putrajaya Mohd Yusoff Zakaria bersama anggota penguat kuasa Tenaga Nasional Berhad (TNB), Jabatan Imigrasi dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK).

Menurutnya, lima lelaki war-

ga Indonesia termasuk seorang Myanmar berusia antara 20 dan 40 tahun itu ditahan hasil daripada pemeriksaan terhadap 32 pekerja yang tinggal di rumah kongsi di dalam kawasan berkenaan. Katanya, sindiket itu didapati membawa keluar pasir curi untuk dijual kepada syarikat pembinaan berdekatan dan orang persendirian di sekitar Selangor.

“Hasil serbuan, kita menda-

pati terdapat kesalahan lain iaitu kegiatan mencuri bekalan elektrik yang dibekalkan kepada kira-kira 100 pekerja warga asing di rumah kongsi mereka.

“Selain itu, lapan jentera, dua pam air, empat lori ‘hantu’ dan sebuah tangki diesel berisi kira-kira 500 liter minyak diesel bersubsidi turut dirampas,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Menurutnya, hasil pemeriksaan mendapati, lokasi kegiatan itu dijalankan di atas tanah milik kerajaan dan persendirian.

**FAKTA**  
Lima pekerja  
asing ditahan  
awal pagi